

NO. SOALAN: 296

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

RUJUKAN : 7292

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kuasa autonomi diberi oleh Kementerian kepada jabatan imigresen Sabah dari segi kelulusan permohonan kewarganegaraan dan pemastautin tetap kepada warga asing. Senaraikan pecahan kewarganegaraan dan pemastautin yang diluluskan oleh Kementerian bagi permohonan yang dibuat di Sabah mengikut pecahan daripada tahun 2000 sehingga Jun 2014.

JAWAPAN:

Bahagian VII (Peruntukan-Peruntukan Khas Bagi Malaysia Timur), Akta Imigresen 1959/63 telah menyebut dengan jelas mengenai kuasa Kerajaan Negeri Sabah dalam hal-hal keimigresen. Sehubungan dengan itu, dalam memproses permohonan permit masuk yang dikemukakan oleh warga asing di Sabah, Jabatan Imigresen Negeri Sabah telah memastikan ruang pelaksanaan kuasa tersebut dengan memanjangkan permohonan yang diterima ke Jabatan Ketua Menteri Sabah bagi membolehkan Kerajaan Negeri Sabah membuat keputusan untuk menentukan individu yang layak menjadi Pemastautin Tetap di negeri tersebut. Senarai permohonan yang diperakui dan tidak diperakui oleh Kerajaan Negeri Sabah seterusnya akan diproses oleh Jabatan Imigresen Negeri Sabah sebagaimana prosedur yang telah ditetapkan. Permohonan yang berjaya akan dikeluarkan dengan Permit Masuk dan seterusnya layak mengemukakan permohonan Pemastautin Tetap di Jabatan Pendaftaran Negara.

Untuk makluman juga, dari tahun 2000 hingga Jun 2014 jumlah permohonan Permit Masuk yang telah diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Sabah adalah sebanyak 1,057. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

**STATISTIK PENGELUARAN PERMIT MASUK SABAH DARI
TAHUN 2000 HINGGA 2013**

TAHUN	LULUS
2014	0
2013	0
2012	0
2011	39
2010	0
2009	0
2008	1
2007	1
2006	8
2005	6
2004	12
2003	53
2002	540
2001	202
2000	195
Jumlah Keseluruhan	1,057